

27/09/2003

Ali Rustam perlukan gandingan muka baru, lama

Daud Awang

SUDAH terang lagi bersuluh. Dalam pemilihan calon bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun memberi amaran awal bahawa ketua penaja Umno bahagian tidak semestinya secara automatik dipilih.

Soal calon, kata Perdana Menteri, akan ditentukan oleh Presiden Umno dan tiada jaminan ketua bahagian akan terus dipilih bertanding atau menjadi salah satu syarat dalam kriteria pemilihan.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepemimpinan Umno, akan menentukan calon pilihan raya umum akan datang.

Keadaan ini diperjelaskan lagi oleh Abdullah apabila menggariskan beberapa kriteria yang akan dijadikan pertimbangan dalam pemilihan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya ke-11 akan datang.

Katanya, kriteria itu termasuk berwibawa dan sanggup bekerja untuk rakyat setiap masa.

Berdasarkan senario politik di Melaka, rakyat boleh lihat wakil rakyat kerajaan atau pembangkang yang bekerja dan tidak bekerja.

Selain itu, ada juga bekas wakil rakyat seolah-olah cuba menonjolkan diri dengan harapan agar terpilih pada pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, berdasarkan ramalan awal, tidak hairan jika 40 peratus daripada muka lama calon BN akan digugurkan dalam pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam memerlukan suntikan tenaga baru dengan kombinasi muka lama dan baru sebagai mempersiapkan Melaka Maju menjelang 2010.

Jika berdasarkan pertimbangan itu, golongan profesional muda, berwibawa dan yang penting mendapat sokongan akar umbi hampir pasti mengisi kekosongan itu. Siapa? Ia terserah kepada presiden parti kerana negeri hanya layak mencalonkan dan bukan membuat pilihan.

Hal ini dibayangkan oleh Mohd Ali apabila menyifatkan pemilihan ketua penaja Umno bahagian dibuat berdasarkan pengalaman masing-masing dan bukan semestinya dipilih sebagai calon pilihan raya.

Soal siapa yang menerajui Umno Bahagian Bukit Katil, Tangga Batu, Jasin, Selandar, Alor Gajah dan Kota Melaka seharusnya tidak menjadi persoalan kerana ia bukan passport untuk dicalonkan sebagai wakil rakyat.

Sambil menyokong kenyataan Dr Mahathir, Ketua Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, ini kerana kerusi yang disediakan untuk sesebuah negeri tidak mencukupi jika semua hendak diisi oleh ketua penaja Umno bahagian.

Selain itu, katanya, sesetengah ketua penaja Umno bahagian tidak sesuai dipilih sebagai calon berdasarkan keadaan setempat, sokongan pengundi dan strategi parti.

Berikutan itu, katanya, semua ketua penaja bahagian perlu bekerja keras agar parti sentiasa kukuh dan sesiapa saja yang dipilih pucuk pimpinan menjadi calon, perlu disokong dan bukan menikam dari belakang.

Pokoknya bila pilihan raya umum akan diadakan? Persoalan yang kini meniti dari bibir ke bibir.

Tidak mustahil jika pilihan raya diadakan selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 11 hingga 18 Oktober depan.

Selepas peralihan kuasa akhir Oktober ini, Abdullah pasti memerlukan mandat baru sebagai Perdana Menteri dan pilihan raya dijangka akan diadakan pada November ini ketika umat Islam berpuasa.

Sebelum ini, pernah pilihan raya diadakan pada bulan Ramadan dan tidak mustahil perkara yang sama berulang pada pilihan raya kali ini.

Apa pun, ia hanyalah ramalan dan apa yang pasti ialah pilihan raya mesti diadakan selewat-lewatnya tahun depan.

Dalam senario politik dan ekonomi yang mantap ketika ini, BN dilihat berada dalam keadaan selesa dan pasti mendominasi pilihan raya kali ini sebagai hadiah kepada Perdana Menteri baru walaupun berlaku tentangan daripada parti pembangkang.